



# SEMINAR POLEMIK SEJARAH NEGERI SEMBILAN 2022

TEMA: "PERKEMBANGAN PENSEJARAHAN  
NEGERI SEMBILAN"

Dirasmikan oleh :-

YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim  
Yang di-Pertua Dewan Negara

Rabu, 17 Ogos 2022

Dewan Seri Jannah, Galeri Diraja Tuanku Ja'afar



Anjuran Galeri Diraja Tuanku Ja'afar, dengan kerjasama Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia dan Arkib Negara Malaysia.

# ISI

## KANDUNGAN

Kata alu-aluan Kurator Galeri Diraja Tuanku Ja'afar	02
Pengenalan dan Objektif Seminar	03
Aturcara majlis	04
Senarai Pembentang	05 06 07
Ruang Pameran Galeri Diraja Tuanku Ja'afar	08
Ruang Sewaan Galeri Diraja Tuanku Ja'afar	09
Penghargaan	10

# SEMINAR POLEMIK SEJARAH NEGERI SEMBILAN 2022

# KATA ALU-ALUAN



**Mohd Khairil Hisham bin Mohd Ashaari,  
Kurator Galeri Diraja Tuanku Ja'afar.**

Bismillahirrahmanilrahim,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya dengan rendah hati ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama hadir bagi menjayakan Program Seminar Polemik Sejarah Negeri Sembilan 2022.

Seminar Polemik Sejarah Negeri Sembilan yang bertema "Perkembangan Penjajahan Negeri Sembilan" merupakan sebahagian projek yang dilaksanakan oleh Galeri Diraja Tuanku Ja'afar dalam matlamat untuk memasyarakatkan sejarah secara meluas.

Seminar anjuran Galeri Diraja Tuanku Ja'afar ini adalah hasil kerjasama dengan Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia dan juga Arkib Negara Malaysia. Matlamat paling utama seminar ini diadakan ialah bagi menyumbang kepada terbinanya pemikiran baharu dalam tafsiran sejarah dan membuka ruang kepada penerbitan bermutu tentang tema ini, yang telah begitu lama menarik perhatian dan menjadi sumber wacana serta perdebatan yang tidak ada penghujungnya dalam proses pengukuhan bangsa dan peradaban di Negeri Sembilan.

Adalah diharapkan seminar ini dapat menghimpunkan seluruh warga Negeri Sembilan dalam satu perkongsian ilmu yang sangat signifikan dan kritikal dalam masyarakat meluruskan kembali kefahaman sejarah Negeri Sembilan. Justeru itu, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pihak yang terbabit kerana banyak membantu bagi menjayakan program ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Yang Di-Pertua Dewan Negara. Juga diucapkan sekalung terima kasih kepada Yayasan Budi, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan juga Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS). Saya sudah dengan ucapan sekian terima kasih semoga Allah Subhanahu Wataala merahmati kehidupan kita sekalian.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mohd Khairil Hisham Bin Mohd Ashaari  
Kurator Galeri Diraja Tuanku Ja'afar

# PENGENALAN

Seminar Polemik Sejarah Negeri Sembilan yang bertema "Perkembangan Pensejarahan Negeri Sembilan" bertujuan untuk menghimpunkan seluruh warga sarjana, pengkaji sejarah, siswa siswi, peminat dan pendidik sejarah, bahkan seluruh anggota masyarakat, untuk bersama-sama berkongsi serta menjana idea-idea baharu dalam penyelidikan sejarah di Negeri Sembilan yang masih belum diterokai sepenuhnya.

Selain daripada sejarah dan peranannya dalam arus sejarah, seminar ini turut mencakupi topik-topik penting yang menjadi tumpuan masyarakat seperti politik, sosio ekonomi, tokoh dan adat yang diamalkan di Negeri Sembilan.

Matlamat paling utama seminar ini diadakan ialah bagi akan menyumbang kepada terbinanya pemikiran baharu dalam tafsiran sejarah dan membuka ruang kepada penerbitan bermutu tentang tema ini, yang telah begitu lama menarik perhatian dan menjadi sumber wacana serta perdebatan yang tidak ada penghujungnya dalam proses pengukuhan bangsa dan peradaban di Negeri Sembilan.

Adalah diharapkan seminar ini dapat menghimpunkan seluruh warga Negeri Sembilan dalam satu perkongsian ilmu yang sangat signifikan dan kritikal dalam masyarakat meluruskan kembali kefahaman sejarah Negeri Sembilan.

## OBJEKTIF

01

Menyediakan satu forum yang dapat menghimpunkan pakar pelbagai bidang dalam menjana idea dan mengembangkan tafsiran yang lebih jelas tentang peranan serta sumbangan kepimpinan dan institusi adat dalam perubahan sejarah Negeri Sembilan.

02

Menyebarluaskan lagi kefahaman dan minat sejarah kepada seluruh ahli masyarakat khususnya generasi muda melalui ruang media sosial yang luas.

03

Meneroka potensi-potensi baharu dalam memperkasakan pengkajian dan penerbitan dalam disiplin sejarah, khususnya menyentuh aspek-aspek yang berkisar peranan dimainkan oleh tokoh, masyarakat bawahan, organisasi mahupun institusi yang berhubung kait pensejarahan Negeri Sembilan.

04

Mengenalpasti dan membuka ruang kepada bentuk-bentuk kerjasama dalam penyelidikan yang merentas bidang yang sesuai demi memperkasakan lagi disiplin sejarah.

05

Menerbit buku-buku sejarah yang berkualiti untuk dijadikan rujukan pelajar dan orang ramai.

# ATURCARA MAJLIS

9.00 pagi - 9.30 pagi	Pendaftaran Peserta
9.45 pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat
10.00 pagi - 10.30 pagi	Ucaptama I dan Perasmian Seminar oleh YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim Yang Di-Pertua Dewan Negara
10.30 pagi - 11.00 pagi	Sidang Media dan Jamuan Pagi
11.00 pagi - 11.30 pagi	<b>Kertas Kerja 1</b> Prasejarah di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Awal Encik Aziz Haji Mohd Gorip, Kurator, LMNS
11.30 pagi - 12.00 tengah hari	<b>Kertas Kerja 2</b> Keupayaan Adat Perpatih Menongkah Gelora Zaman Moden Dr. Mohammad Alinor bin Abdul Kadir, Pengerusi PPFPM
12.00 tengah hari -12.30 tengah hari	Sesi Soal Jawab
12.30 tengah hari - 2.00 petang	Jamuan Tengah hari dan Rehat
2.00 petang - 2.30 petang	Ucaptama II Dr Ku Boon Dar
2.30 petang - 3.00 petang	<b>Kertas Kerja 3</b> Wasilah Adat Perpatih Dr. Abdul Karim Mansor, Pensyarah, IPGKRM
3.00 petang - 3.30 petang	<b>Kertas Kerja 4</b> Kepimpinan Politik UMNO Rembau 1946 – 2020: Konflik dan Polemik Dr. Mohamad Haji Abd Chani, Mantan Pensyarah IPGKM
3.30 petang - 4.00 petang	<b>Kertas Kerja 5</b> Pensejarahan Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Encik Mohd Khairil Hisham bin Mohd Ashaari, Kurator Galeri Diraja Tuanku Ja'afar
4.00 petang - 4.30 petang	Sesi Soal Jawab

# SENARAI PEMBENTANG



**PEMBENTANG PERTAMA** (11.00 pagi - 11.30 pagi)

**Encik Aziz Haji Mohd Gorip**  
Kurator, LMNS

Prasejarah di Negeri Sembilan:  
Satu Tinjauan Awal



**PEMBENTANG KEDUA** (11.30 pagi- 12.00 tengah hari)

**Dr. Mohammad Alinor bin Abdul Kadir**  
Pengerusi PPFPM

Keupayaan Adat Perpatih Menongkah Gelora  
Zaman Moden



**PEMBENTANG KETIGA** (2.30 petang - 3.00 petang)

**Dr. Abdul Karim Mansor**  
Pensyarah, IPCKRM

Wasilah Adat Perpatih



**PEMBENTANG KEEMPAT** (3.00 petang - 3.30 petang)

**Dr. Mohamad Haji Abd Ghani**  
Mantan Pensyarah IPGKM

Kepimpinan Politik UMNO Rembau  
1946 – 2020: Konflik dan Polemik



**PEMBENTANG KELIMA** (3.30 petang - 4.30 petang)

**Encik Mohd Khairil Hisham bin Mohd Ashaari**  
Kurator Galeri Diraja Tuanku Ja'afar

Pensejarahan Negeri Sembilan:  
Satu Tinjauan




# “ POLEMIK 2022 ”

*“Ekskavasi lanjutan perlu dilakukan di tapak Gua Pelangi kerana masih ada ruang dan isu yang belum berjaya diselesaikan. Kajian awal hanya menemui bukti kebudayaan material artifak litik dan sisa makanan. Gua ini berpotensi untuk mendedahkan bukti pengkebumian dan lapisan Neolitik dengan bukti tembikar memandangkan baki keluasan ruang yang belum diekskavasi.”*

**Pra Sejarah di Negeri Sembilan; Satu Tinjauan Awal | Kajian Kes : Tapak Gua Pelangi - Aziz Bin Haji Mohd Gorip | Kurator, Lembaga Muzium Negeri Sembilan**

*“Memahami permasalahan yang berlaku, lebih kurangnya pertimbangan antara kelemahan dan kekuatan Bangsa Minangkabau, dalam kesempatan ini saya berhasrat untuk mengambil sikap yang cenderung kepada memahaminya secara ilmiah dan keintelektualan, malah kefalsafahan, iaitu dengan mempertentangkan unsur-unsur keintelektualan Minangkabau dengan keintelektualan Eropah Moden.”*

**Keupayaan Adat Perpatih Menongkah Gelora Zaman Moden - Dr. Mohammad Alinor bin Abdul Kadir | Pengerusi PPFPM**



*"Wasilah Adat Perpatih ini akan mendasari tentang syariat, tarekat, hakikat, makrifat, istinbat secara ringkas dalam melahirkan aturan adat dalam Adat Perpatih iaitu adat yang sebenar-benar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat seterusnya membentuk adat, adab, muafakat serta budi. Rumusan daripada model ini akan menjelaskan falsafah atau ajaran Adat Perpatih yang sebenar iaitu membangunkan akhlak dalam diri pengamal Adat Perpatih selaras dengan firman Allah dalam surah al-Hijr, ayat 28 untuk menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini."*

**Wasilah Adat Perpatih – Dr. Abdul Karim Mansor,  
Pensyarah, IPGKRM**

*"Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah era rakyat Malaysia mulai melaksanakan kehidupan sosioekonomi yang lebih baik. Sesuai dengan ketentuan daripada kerajaan pusat, pada saat itu parti Barisan Nasional (BN) telah mampu melaksanakan program pembangunan sosioekonomi dengan lebih sempurna. Namun, dalam melaksanakan pembangunan sosioekonomi daerah Rembau mengalami pelbagai kekangan dan masalah. Antaranya, sejarah tradisional dan geopolitik termasuk demografi, kekurangan sumberdaya manusia dan alam, dan faktor persempadanan politik yang berubah-ubah."*

**Kepimpinan Politik UMNO Rembau 1946 – 2020 : Konflik dan Polemik – Dr. Mohamad Haji Abd Ghani |  
Mantan Pensyarah IPGKM**

*"Proses pembentukan Negeri Sembilan sebagai satu entiti politik mengambil masa yang lama, hampir enam abad. Pembentukannya tidak berlaku secara serentak dan melalui proses metamorfosis yang dinyatakan dalam perbilangannya sebagai 'Teratak mula dibuat, Teratak menjadi kampung, Kampung menjadi dusun, Dusun menjadi kota, Kota menjadi negeri'. Ini adalah salah satu faktor yang mempengaruhi pensejarahan di Negeri Sembilan sehingga kini."*

**Pensejarahan Negeri Sembilan: Satu Tinjauan –  
Mohd Khairil Hisham bin Mohd Ashaari | Kurator  
Galeri Diraja Tuanku Ja'afar.**



# PAMERAN GALERI DIRAJA TUANKU JA'AFAR

*Pameran Diraja memaparkan konsep*

***“Perjalanan Biografi  
Kehidupan Duli Yang  
Maha Almarhum  
Tuanku Ja'afar ibni  
Almarhum Tuanku  
Abdul Rahman”***

*dengan 8 ruang Pameran:-*

1. Sejarah Negeri Sembilan & Raja-Raja Negeri Sembilan
2. Mengenali DYMM Almarhum Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman
3. Zaman Membesar Baginda
4. Kerjaya Awal Baginda
5. Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan ke-10 (Tahun 1967-2008)
6. Yang Di Pertuan Agong Malaysia ke-10 (Tahun 1994-1999)
7. Permaisuri baginda DYMM Tunku Ampuan Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin
8. Keluarga Diraja



# RUANG SEWAAN

## GALERI DIRAJA TUANKU JA'AFAR

Perkhidmatan ruang sewaan di Galeri Diraja Tuanku Ja'afar sesuai untuk majlis korporat, program pendidikan, pelancaran produk, bengkel dan latihan. Sekiranya anda mencari tempat untuk mengadakan majlis, disini tempat yang sesuai.

### **Bilik Seminar**

Bilik yang dilengkapi dengan kemudahan untuk menjalankan aktiviti boleh memuatkan seramai 24 orang dalam satu masa.

### **Bilik Mesyuarat**

Bilik ini boleh memuatkan seramai 13 orang dalam satu masa dan sesuai untuk digunakan bagi sesi temuduga atau mesyuarat.

### **Dewan**

#### **Dewan Seri Serting & Dewan Seri Jannah**

Dewan ini sesuai untuk pelbagai jenis acara seperti majlis korporat dan majlis persendirian. Sebagai contoh, pelancaran produk dan perkahwinan.



# PENGHARGAAN



YAYASAN BUDI



Lembaga Muzium  
Negeri Sembilan



Warga Kerja Galeri Diraja Tuanku Ja'afar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama serta sokongan dan sumbangan yang telah diberikan dalam menjayakan Seminar Polemik Sejarah Negeri Sembilan Tahun 2022 kali ini.



## **GALERI DIRAJA TUANKU JA'AFAR**

Galeri Diraja Tuanku Ja'afar,  
Jalan Taman Bunga,  
70100 Seremban Negeri Sembilan.

+606-7619102 | +606-7619103



Galeri Diraja Tuanku Ja'afar



@gdtjns



gdtjns.com